



Headline: Peniaga lesap RM50,000 diperdaya ada cukai Language: Malay  
tertunggak

Publication/Portal: Berita Harian

Section: Nasional

Date: 20 June 2020

Page: 17

## Peniaga lesap RM50,000 diperdaya ada cukai tertunggak

**Butterworth:** Seorang ahli perniagaan terkejut apabila wang simpanannya berjumlah RM50,000 lesap dan dipindahkan ke akaun bank milik individu tidak dikenali, kelmarin.

Mangsa lelaki berusia 53 tahun menerima panggilan telefon menyatakan syarikatnya di Kelantan memiliki tunggakan cukai dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan perlu menyelesaikankannya segera.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor, berkata mangsa kemudian memaklumkan dia tidak mempunyai sebarang syarikat di negeri itu sebelum panggilannya konon disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kelantan untuk buat laporan dalam talian.

"Selepas 'disoal siasat' oleh beberapa polis dari IPK Kelantan (dalam panggilan itu), mangsa memberikan maklumat akaun bank serta kata laluan untuk tujuan siasatan selanjutnya sama ada mangsa terbabit dengan pengubahan wang haram," katanya dalam kenyataan semalam.

Mangsa turut menyerahkan nombor kod kebenaran transaksi (TAC) kepada suspek yang mendakwa dirinya asisten komisyoner selain diugut agar tidak menceritakan hal itu kepada sesiapa.

Noorzainy berkata, mangsa sedar dirinya ditipu selepas menerima notifikasi melalui e-mail bahawa terdapat pindahan wang dari akaun bank miliknya, sebelum membuat semakan dan mendapati wang berjumlah RM50,000 dalam akaun banknya sudah berkurangan kerana dipindahkan ke akaun bank milik individu tidak dikenali.

Sementara itu, Noorzainy berkata, seorang penganggur berusia 23 tahun turut menjadi mangsa penipuan apabila mengalami kerugian RM13,000.

"Mangsa wanita mengenali seorang lelaki dalam laman sosial Instagram bulan lalu dan terpedaya dengan kata-kata manis suspek yang mahu mengiriskan barangan berjenama sebagai hadiah sempena hari ulang tahun kelahiran mangsa.

"Bagaimanapun, mangsa mendapat panggilan kononnya dari ejen penghantaran memaklumkan barangan itu sudah sampai di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLLA) tetapi mangsa perlu membuat pembayaran untuk pelepasan barangan berkenaan.

Tidak mengesyaki apa-apa kerana terlalu teruja mangsa terus membuat pindahan wang sebanyak empat kali berjumlah RM13,000," katanya.